

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

→ **Datuk Salleh Buang**
Pengamal undang-undang
dan bekas Profesor Tamu
di Universiti Teknologi Malaysia



🗨️ Akta Hasutan 1948 (Akta 15) adalah bertentangan dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan”

🗨️ Apa yang ditekankan oleh Mahkamah Rayuan, pendapat yang mengatakan satu kesalahan hasutan itu tidak memerlukan pembuktian *mens rea*”

🗨️ Landskap undang-undang *common law* ini akhirnya berubah dengan munculnya kesalahan statutori”

Mungkinkah Akta Hasutan disemak semula?

BH
22/12/16
MLS-10

cara N H Chan dalam kes PP v Param Cumaraswamy [1986] CLJ (Rep) 606, *mens rea* bukan satu elemen penting dalam kesalahan menghasut. Apa yang perlu dibuktikan oleh pasukan pendakwaan di mahkamah adalah ucapan tertuduh itu mengandungi satu 'kecenderungan menghasut'.

Bukti menghasut

Soalnya bagaimanakah pasukan pendakwaan boleh membuktikan kecenderungan menghasut? Jawapannya terkandung dalam satu kes lama, R v Aldred (1909) 22 Cox CC 1. Kata mahkamah dalam kes lama itu, kita mesti lihat latar belakang orang yang mendengar suatu ucapan yang dikatakan menghasut. Apakah mereka orang yang cerdik pandai dan berpengalaman atau

pasukan pendakwaan dapat membuktikan tertuduh melafazkan kata-kata menghasut itu, ia boleh disabitkan dan tidak perlu ada bukti sama ada kata-kata yang dilafazkan oleh tertuduh itu, benar atau dusta.

Pendekatan sama diambil mahkamah kita dalam kes P.P. v Mark Koding [1983] 1 MLJ 111. Dalam kes itu, mahkamah memutuskan bahawa sekali pun tertuduh ada niat yang baik melafazkan kata-kata yang menjadi asas pertuduhan itu, ia bukan satu pembelaan.

Mengikut amalan tradisi di banyak negara *common law*, suatu jenayah itu dikatakan berlaku hanya jika satu perbuatan yang salah (*actus reus*) wujud bersama satu niat yang salah (*mens rea*). Konsep *mens rea* mula dikembangkan pada kurun ke-17 di England apabila hakim bicar-

aman web rasmi Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia baru-baru ini menyiarkan sepenuhnya teks keputusan panel hakim Mahkamah Rayuan dalam kes Mat Shuhaimi bin Shafiei lwn Kerajaan Malaysia (<http://www.kehakiman.gov.my/?q=en/node/628>).

Keputusan setebal 24 halaman itu, yang ditulis oleh Varghese a/l George Varughese HMR, meluluskan rayuan perayu (Mat Shuhaimi) dan mengetepikan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi. Seterusnya mahkamah mengisytiharkan (dalam perenggan 45 penglakiman itu) bahawa "Section 3(3) of the Sedition Act 1948 (Act 15) contravenes Article 10 of the Federal Constitution and therefore is invalid and of no effect in law" (Seksyen 3(3) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) adalah bertentangan dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu adalah tidak sah dan tidak berkesan di sisi undang-undang).

Seksyen 3(3) akta itu menyebutkan "Bagi maksud membuktikan berlakunya mana-mana kesalahan di bawah akta ini, niat orang yang dituduh pada masa... dia melafazkan kata-kata yang menghasut itu... hendaklah dianggap sebagai tidak relevan... jika pada hakikatnya... kata-kata itu... mengandungi kecenderungan menghasut."

Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen 3(3) itu, setakat mana ia tidak menghendaki

bukti mengenai niat melakukan kesalahan menghasut, adalah tidak boleh dipertahankan sama sekali. Mengikut mahkamah itu lagi, seksyen 3(3) itu adalah satu sekatan atau langkah tidak padan kepada matlamat yang sah seperti disebutkan dalam Perkara 10(2) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam bahasa mudah, apa yang ditekankan oleh Mahkamah Rayuan, pendapat yang mengatakan satu kesalahan hasutan itu tidak memerlukan pembuktian *mens rea* adalah 'tidak boleh dipertahankan sama sekali'. Mengikut fakta kes ini, perayu (Mat Shuhaimi) dituduh melakukan kesalahan menghasut kerana memuatnaik bahan yang menghasut dalam blognya di Pusat Khidmat Rakyat, Jalan Anggerik Vanilla, Kota Kemuning, Shah Alam pada 30 Disember 2010.

Kira-kira empat tahun kemudian, pada September 2014 usaha awalnya untuk mendapatkan perintah mahkamah mengisytiharkan Seksyen 3 dan 4 Akta Hasutan sebagai tidak sah, gagal. Terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu, dia kemudian merayu ke Mahkamah Rayuan. Pada 25 November 2016, Mahkamah Rayuan meluluskan rayuannya.

Ramai juga dalam kalangan penganal undang-undang di negara ini, tersentak dengan keputusan Mahkamah Rayuan yang baru ini. Mereka terkejut kerana selama ini, berdasarkan keputusan hakim bi-

orang biasa yang masih berilmu dan kurang berilmu?

Pendirian mahkamah di beberapa *common law* (selain Malaysia) tidak sama dengan pendirian mahkamah negara kita. Di Kanada, Mahkamah Agung negara itu memutuskan (keputusan majoriti 5:4) dalam kes Boucher lwn The King [1951] SCR 265, bahawa sebelum mahkamah boleh mensabitkan kesalahan seorang itu kerana menghasut, elemen niat untuk menimbulkan keganasan terhadap kerajaan mesti dibuktikan.

Di India, mahkamah negara itu mengambil pendekatan sama dengan mahkamah di Kanada. Dalam kes Kedar Nath Singh v State of Bihar (1962 AIR 955) Mahkamah Agung India memutuskan, jika tidak ada bukti suatu tindakan itu dilakukan dengan niat menggugat kerajaan menerusi cara yang ganas, tertuduh tidak boleh disabitkan sebagai menghasut.

Seperti dinyatakan di atas, mahkamah di negara kita sudah sekian lama memutuskan kesalahan menghasut di bawah Akta Hasutan ini tidak memerlukan *mens rea*. Ia menjadi kecualian kepada kaedah am bahawa suatu kesalahan itu mesti mengandungi elemen *actus reus* dan *mens rea* sebelum seorang tertuduh itu boleh disabitkan.

Dalam kes yang masyhur, P.P. lwn. Ooi Kee Saik & Ors [1971] 2 MLJ 108, Hakim Raja Azlan Shah J memutuskan bahawa sebaik sahaja

17 di England apabila hakim bicara sepakat menyatakan satu tindakan itu tidak boleh dikatakan salah kecuali ia dituruti dengan atau didorong oleh satu niat yang salah.

Bagaimanapun, landscape undang-undang *common law* ini akhirnya berubah dengan munculnya kesalahan statutori, yang banyak daripadanya sekarang adalah kesalahan 'strict liability' dan elemen *mens rea* tidak lagi penting atau relevan. Keputusan Mahkamah Rayuan akhir November lalu dalam kes Shuhaimi bukan sesuatu yang mudah difahami kerana banyak isu undang-undang yang rumit cuba dihuraikan olehnya. Sama ada keputusan ini akan bertahan lama atau satu hari nanti akan diketepikan pula oleh Mahkamah Persekutuan (yang lebih tinggi darinya), hanya masa dapat menentukannya.

Sementara itu, kita berdepan dengan teka-teki apakah Akta Hasutan akan disemak semula dalam masa terdekat? Apakah langkah akan diambil untuk memindanya agar persoalan perlu atau tidaknya pembuktian *mens rea* dalam seksyen 3(3) Akta dimuktamadkan.

➔ Setiap individu semestinya kuat, amanah, jujur dan profesional dalam pekerjaan. Pekerjaan adalah platform mencapai kesejahteraan hidup di dunia mahupun akhirat. Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, **Tan Sri Dr Abdullah Muhammad Zin**, mengulas lanjut isu ini, esok.